

06/01/2003

Putrajaya penyebar semangat

Mohd Azlan Jaafar

APABILA berada di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, dapat dirasakan perbezaan yang nyata berbanding di tempat lain di negara ini. Perbezaan ini bukan saja kerana keunikan bangunan atau konsep Putrajaya, tetapi juga dari segenap aspek persekitaran. Penghuni Putrajaya dapat berasakan mereka berada di sebuah bandar raya dalam taman. Sesiapa saja dapat berasakan unsur keajaiban bila berada di Putrajaya. Mungkin kerana Putrajaya adalah bandar raya baru dan bersama bangunan yang megah dan indah. Putrajaya wujud dengan seribu harapan yang disandarkan oleh rakyat.

Jika anda pernah membaca buku Harry Potter atau menonton filemnya, Putrajaya seperti Hogwarts School for Witchcraft and Wizardry. Di sekolah yang mana pelajarannya mempelajari magik dan ilmu sihir, pelbagai perkara ajaib dapat dilakukan pelajar. Ia sama seperti di Putrajaya. Penghuni dan mereka yang bekerja di sini memberi perhatian lebih daripada 150 peratus kepada kerja mereka. Pemotong rumput memastikan rumput yang ditebas lebih sekata. Tiada lori mengotorkan jalan. Pemungut sampah memastikan tiada sampah tertinggal. Pinggiran hutan di sekeliling Putrajaya juga kemas, seperti ada yang menebas di kawasan hutan.

Pengawal yang menjaga pintu masuk ke bangunan kementerian lebih mesra memberi perkhidmatan. Kakitangan kerajaan nampak lebih bangga berkhidmat berbanding ketika di Kuala Lumpur.

Tiada papan tanda slogan Bersih, Cekap, Amanah di bangunan kerajaan, tetapi sikap profesional lebih nyata. Seperti semua yang berkhidmat mempunyai kayu magik (magic wand) yang menghasilkan pelbagai keajaiban seperti dalam filem Harry Potter.

Mungkin mereka hanya memenuhi harapan yang diletakkan rakyat. Atau mungkin kerana Nombor Satu tinggal di sini, justeru semua yang berkhidmat dan tinggal di sini berusaha lebih bagi memastikan impian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Malaysia mempunyai pusat pentadbiran kerajaan dan bandar raya unggul, tercapai.

Ramai yang lupa bahawa bukan tempat atau bangunan serta kemudahan baru membolehkan kita menghasilkan sesuatu keajaiban. Keajaiban boleh berlaku di mana-mana jika mereka yang diberi tanggungjawab melaksanakannya dengan bersungguh-sungguh. Mungkin satu hari kita dapat melihat keajaiban dan semangat Putrajaya tersebar di seluruh negara dan setiap bandar, pekan atau kampung akan menjadi 'Putrajayanya' tersendiri.